

UMP Sharks mahu mengganas

NAMA pasukannya sudah melambangkan kerakusan untuk mengganas pada saingan *KOSMO!* Varsity Futsal 2007 bagi Zon Timur yang bermula esok.

Pasukan yang bergelar UMP Sharks A dan UMP Sharks B merupakan wakil dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada kejohanan berprestij itu.

Pegawai Sukan UMP, Mohd. Aznor Izamin Ismail berkata, biarpun terpaksa mengharungi perjalanan beratus kilometer untuk ke lokasi kejohanan di Kuala Terengganu, pemain-pemain UMP tetap mahu memberikan cabaran.

"Mereka sudah lama turun berlatih bersama. Lagipun, rata-rata pemain yang akan beraksi nanti merupakan anggota skuad bola sepak UMP yang beraksi dalam TM Uni League awal tahun ini," katanya ketika ditemui *KOS-*

MO! semalam.

Pengurus pasukan, Nor Adzizi Najiruddin, yang turut bertindak selaku jurulatih pula berkata, mereka mensasarkan salah satu daripada dua pasukan yang dihantar itu akan berjaya menjejakkan kaki ke peringkat separuh akhir.

"Pasukan UMP Sharks A diletakkan sebagai pasukan utama kerana mereka dibarisi pelajar-pelajar senior. Tapi harus diingat, pasukan B yang diwakili pelajar junior juga boleh melakukan kejutan," jelasnya yang merupakan staf di unit sukan universiti berkenaan.

Rombongan 20 pemain kedua-dua pasukan dari UMP itu akan bertolak ke Kuala Terengganu malam ini dengan UMP Sharks A bakal mempertaruhkan penyerang berbisa mereka, Muhammad Zulkifli, 23, untuk merobek gawang gol lawan.